

**TEKS UCAPAN**  
**YBHG. DATO' YANG DI PERTUA**  
**SEMPENA**  
**PERHIMPUNAN KORPORAT**  
**12 OKTOBER 2016 (RABU), JAM 8.45 PAGI**

---

**Yang Dihormati Ahli Majlis - Ahli Majlis**

Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Yang Berusaha Tuan Sr Hj Rozali Bin Hj Mohamud**

Setiausaha Perbandaran Majlis Perbandaran Seberang Perai

**Ketua - ketua Jabatan**

**Rakan - rakan Media**

**Tuan tuan dan puan - puan Warga Kerja MPSP**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh, Selamat pagi dan salam sejahtera.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat kita berkumpul pada pagi ini bagi Perhimpunan Korporat yang ketiga untuk tahun 2016.

## **1. Pencapaian MPSP**

### **MALAysia Books Of Records (MBR)**

Sebelum meneruskan ucapan pada pagi ini, sukacita saya memaklumkan MPSP telah berjaya tersenarai dalam The MALAysia Book Of Records (MBR) diatas pencapaian Pihak Berkuasa Tempatan Pertama yang mendapat enam persijilan iaitu :-

1. Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001:2008 (QMS)
2. Sistem Pengurusan Alam Sekitar ISO 14001:2004 (EMS)
3. Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan OHSAS 18001:2007 (OSHMS)
4. Sistem Pengurusan Tenaga ISO 50001:20011 (EnMS)
5. Sistem Pengurusan Berkualiti 5s (QEMS)
6. Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO /IEC 27001: 2013

Tahniah kepada KUMPULAN INOVASI DAN KREATIF (KIK) 2016 MPSP telah berjaya untuk mendapat anugerah Persembahan terbaik dalam Konvensyen KIK peringkat Negeri Pulau Pinang pada 8 September 2016 melalui Tajuk Projek Masalah Mengenalpasti Binaan Tanpa Kebenaran (Freeriders) Untuk Tujuan Kadaran oleh Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta. MPSP telah berjaya mendapat

penghargaan sebagai Persembahan Terbaik Kumpulan KIK untuk tiga tahun berturut - turut.

Saya mengucapkan tahniah kepada pasukan kawad MPSP yang telah mendapat Johan Kategori Sektor Awam Pertandingan Kawad Sempena Perarakan Kemerdekaan Hari Kebangsaan 2016 Peringkat Negeri Pulau Pinang. Ini adalah kali pertama MPSP menjadi Johan Kawad Sempena Perarakan Kemerdekaan.

Ucapan tahniah juga buat Biro Kebudayaan Dan Kesenian Puspanita MPSP yang telah mendapat tempat Johan untuk (2 kategori) Pertandingan Kebudayaan Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang Tahun 2016 Anjuran Puspanita Negeri Pulau Pinang iaitu Kategori Pertandingan Tarian (JOHAN 7 tahun berturut - turut) dan Kategori Tiru Gaya Artis (JOHAN). Tahniah diucapkan utk kakitangan yang terlibat.

Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada Pasukan Hoki MPSP yang telah berjaya mendapat tempat ketiga dalam Kategori Terbuka Lelaki Sempena Kejohanan Hoki MAKSAK MALAysia Tahun 2016.

Syabas kepada Pasukan Boling Padang MPSP yang telah mengharumkan nama MPSP di peringkat antarabangsa dimana mereka telah berjaya memenangi Tempat Pertama Kategori Boobie di Royal Bangkok Sports Club (RBSC) 2016 International Lawn Bowls Open Triples yang berlangsung di Bangkok Thailand. Kejohanan 6 hari yang berlangsung dari 30 Ogos hingga 4 September 2016 ini mempertandingangkan sebanyak Tiga Kategori iaitu Kategori Cup, Plate dan Boobie dan disertai oleh 24 Pasukan dari Lapan Negara iaitu Thailand, British, India, Filipina, China, Korea, Japan dan MALAysia. Pasukan MPSP diwakili oleh Tn Hj. Abdul Rahman Shariff (Korporat), Tn. Hj. Zanzuri Hashim (Bangunan) dan En Wahyudi Wahid (Perbandaran).

Tuan-tuan dan puan-puan,

## **2. Pentadbiran**

Pegawai yang bertanggungjawab dalam projek-projek perlu membuat pemantauan terhadap projek tersebut, kontraktor sebelum pembayaran dibuat. Pemantauan kakitangan perlu dibuat supaya sentiasa mematuhi SOP dan garis panduan. Kakitangan juga perlu memahami fungsi setiap bahagian dalam jabatan dan mempunyai *multi skill* yang dikongsi bersama melalui *on job training*.

### i. **Integriti**

Integriti tidak terhad kepada sesuatu perkara sahaja, sebaliknya perlu sentiasa dicerminkan dalam semua tindakan, sama ada melalui penampilan, sikap dan keputusan yang diambil. Dalam sesebuah organisasi, kita tidak dapat lari daripada bergantung kepada integriti setiap daripada ahlinya, malah seseorang ketua sebenarnya amat bergantung kepada integriti ahli organisasi yang lain untuk menggerakkan organisasi dan begitu juga sebaliknya. Sekiranya ada di kalangan ahli yang tidak mempunyai nilai integriti dalam melaksanakan tugas, maka ianya akan merosakkan reputasi organisasi secara keseluruhan, ibarat “kerana nila setitik, rosak susu sebelanga”.

Hubungan penjawat awam dengan kontraktor, sejauh mana keakraban antara penjawat awam dengan kontraktor sekiranya tiada urusan rasmi Kerajaan seperti keluar makan bersama kontraktor. Selain itu, suatu pertemuan haruslah di tempat yang terbuka supaya tidak menimbulkan prasangka orang lain.

Ketua Jabatan dipohon agar sentiasa memberi perhatian dan keutamaan dalam membuat pusingan kerja anggota di dalam jabatan serta mengemaskini MPK dan SOP di jabatan masing-masing.

## **ii. Pengurusan Penyelenggaraan Kenderaan**

Buku log kenderaan perlu diisi lengkap sebelum bayaran tuntutan perjalanan dibuat serta memastikan semua kad Touch N Go jabatan didaftarkan di dalam laman sesawang Touch n Go. Semua jabatan perlu melaksanakan proses ini di jabatan masing-masing.

## **iii. Audit**

MPSP telah menerima Sijil Bersih (Tidak Berteguran) dari Ketua Audit Negara untuk tahun kewangan 2015 pada 22 Julai 2016. Walau bagaimanapun melalui pengauditan yang dibuat oleh Jabatan Audit Negara dan Audit Dalam baru-baru ini mendapati masih ada ruang penambahbaikan yang perlu diambil di dalam pengurusan perolehan MPSP. Saya berharap penemuan audit diambil serius bagi menambahbaik perkhidmatan Majlis.

Pemeriksaan Dalaman, setiap Ketua Jabatan perlu melakukan pemeriksaan mengejut 2 kali setahun berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan AP 309. AP308 membolehkan Ketua Jabatan mewakilkan pegawainya melaksanakan pemeriksaan mengejut ke atas sebahagian atau keseluruhan kewajipan kewangan.

#### **iv. Disiplin**

Pada tahun 2016 sehingga 1 Oktober 2016, MPSP telah mengambil tindakan tatatertib terhadap 5 kes berbanding tahun lepas iaitu 15 kes. Manakala bagi kakitangan kontrak yang ditamatkan perkhidmatan / kontrak tidak diperhaharui terdapat 124 kes untuk 2016 berbanding 135 kes tahun 2015. Terdapat penambahaikan dari segi disiplin kakitangan.

Saya berharap semua warga kerja MPSP hendaklah bekerja sebagai satu pasukan dan berdisiplin serta mempunyai sikap yang positif dalam melaksanakan tugas yang diamanahkan kepada kita. Di sini saya ingin menegaskan bahawa saya amat mementingkan disiplin dalam menjalankan tugas bagi semua staf kita. Yang berdisiplin dan rajin bekerja akan diberi penghargaan dalam pelbagai anugerah. Jikalau

kita berfikiran positif, 50% rintangan telah kita atasi, Cuma 50% sahaja perlu kita tangani. Selalunya kita sentiasa berperang dengan minda kita sendiri, memang naluri manusia sentiasa untuk melaksanakan yang terbaik. Suka saya ingatkan, semua kakitangan perlu memastikan semua urusan berkaitan pentadbiran diuruskan secara bersistematik supaya selaras dengan kehendak Arahan Pentadbiran dan perintah-perintah am kerajaan Pengurusan pentadbiran dan perkhidmatan. Justeru itu saya ingin mengingati sekali lagi setiap warga MPSP perlulah berfikiran positif, berdisiplin serta bertanggung jawab dan amanah dalam menjalankan tugas.

### **Dasar Pengasingan Sisa di Punca**

Dasar Pengasingan Sisa di punca telah dilancarkan mulai 01.06.2016 dengan memfokuskan kepada 8 kategori iaitu:

- taman perumahan
- kilang
- PPR
- kondo / pangsa
- hotel / establismen makanan
- kampung

- institusi / kompleks kerajaan
- pusat beli belah

Kaedah pelaksanaan adalah dengan cara dua (2) aliran iaitu:

- sisa baki (dimasukkan dlm beg plastik dan dimasukkan ke dlm tong sedia ada.
- sisa kitar semula (dimasukkan ke dlm beg plastik @ apa bekas yg sesuai dan diletakkan di tepi tong sampah)

MPSP akan membuat kutipan hanya di Kategori Taman Perumahan pada setiap Sabtu dari jam 8.00 pg hingga 4.00 ptg.

Bagi lain2 kategori, ianya akan diuruskan sendiri samada JMB, MC, JKJKK, RT, RA @ pihak pengurusan. Jualan boleh dibuat terus kepada agen yang dilesenkan dan pulangan kepada mereka sendiri.

Jabatan telah membuat pemeriksaan rawak di premis skim perumahan dan telah mula mengeluarkan notis ketidakpatuhan mulai 06.08.16 sehingga sekarang. Notis dikeluarkan sebagai peringatan dan pendidikan kepada masyarakat.

Kerajaan Negeri telah menetapkan tempoh pendidikan dan promosi selama setahun dan penguatkuasaan akan dimulakan pada 01.06.17.

JPP telah membuat pemeriksaan kepada semua rumah Ketua Jabatan yang tinggal di Taman Perumahan di Seberang Perai pada 30 Julai, 5 Ogos dan 20 Ogos. Tahniah, semuanya melaksanakan pengasingan sisa di punca.

Bagi rumah P&P pula telah dibuat pemeriksaan pada 01 & 08 Oktober dan akan diteruskan kepada pegawai lain bagi memastikan dasar ini dilaksanakan oleh staf MPSP.

Secara purata, sebanyak 15,749 buah premis yang melaksanakan setiap minggu dengan beratan purata 0.5 kg bagi setiap rumah.

Harapan saya dengan jumlah staf MPSP hampir 5000 orang sebagai duta MPSP serta menjadi contoh kepada rakyat negeri Pulau Pinang terutama di Seberang Perai kesedaran dapat ditingkatkan bagi menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa pepejal dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang yang dihantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita.

MPSP perlu menunjukkan contoh yang baik kepada masyarakat. Semua kemudahan MPSP seperti depoh pembersihan, dewan,

kompleks penjaja, pasar awam, rumah pam, PUSKEB dan kompleks sukan perlu melaksanakan pengasingan di punca.

Semua program MPSP dan Kerajaan Negeri telah diwajibkan membuat pengasingan di punca dengan meletakkan tong dengan dua (2) aliran.

Oleh itu, kita perlu meningkatkan kesedaran rakyat negeri Pulau Pinang untuk menangani sisa kita dengan lebih berkesan melalui pengasingan sisa di punca. Amalan untuk mengasingkan sisa baki dan bahan kitar semula ini boleh mengurangkan sisa yang yang dihantar ke tapak pelupusan seterusnya memanjangkan jangka hayat tapak pelupusan kita. Sehingga kini, MPSP telah menjalankan sebanyak 196 aktiviti seperti ceramah kitar semula, pameran LA21, bengkel sekolah hijau, taklimat pengasingan sisa di punca, bengkel *up-cycle*, bengkel membuat kompos dan bengkel membuat mudball. Ini adalah antara usaha MPSP untuk meningkatkan kesedaran rakyat di Seberang Perai tentang kepentingan untuk menangani sisa dan menjadikan kitar semula sebagai satu tabiat. Saya ingin maklumkan bahawa sokongan dari penduduk Seberang Perai yang diterima oleh MPSP amat menggalakkan bagi aktiviti-aktiviti ini.

Sehingga kini terdapat 59 pusat kitar semula yang diuruskan oleh penduduk dan jika memerlukan bantuan, boleh merujuk kepada LA 21 MPSP.

#### **v. Inovasi dan kreativiti**

Semua staf dipelbagai peringkat digalakkan membuat inovasi untuk meningkatkan mutu perkhidmatan jabatan kerana staf di jabatan sendiri yang tahu apa patut dibuat untuk memudahkan kerja mereka.

Sebagi makluman, Majlis telah disenarai pendek untuk Anugerah inovasi Pihak Berkuasa Tempatan (AIPBT) 2016 oleh Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi Sambutan Hari Inovasi Peringkat KPkt. Majlis Penerimaan Penghargaan akan diadakan pada 13 Oktober 2016 di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan akan disempurnakan oleh YB Menteri KPK

MPSP telah disenarai pendek dalam Lapan PBT terbaik iaitu :-

1. Dewan Bandaraya Kucing Utara
2. Majlis Bandaraya Ipoh
3. Majlis Perbandaran Alor Gajah
4. Majlis Perbandaran Ampang Jaya

5. Majlis Perbandaran Kemaman
6. Majlis Perbandaran Seberang Perai
7. Majlis Perbandaran Sepang
8. Perbandaran Putrajaya

MPSP telah disenarai pendek untuk 15 bandar dari serta dunia bagi Anugerah Ghoungzau Awards 2016 dengan Dua Pencalonan iaitu SmartEye dan juga Profesional Sniper Gadget. (PSG). Penyenaraian ini akan diumunkan di Bagota, Colombia pada bulan Oktober 2016.

**MIP Planning Excellence Awards oleh MALAysia Institut Of Planers (MIP)**

MPSP telah mencalonkan dua Projek **untuk Planning Excellence Awards Malaysia Planner Awards** iaitu :

1. Community Engagement Approached In Butterworth Baharu Regeneration Plan dibawah kategori Community Base Planning Awards dan telah dibentangkan di MIP pada 6 Oktober yang lalu manakala untuk pencalonan kedua.
2. Batu kawan Eco City Guidelines di bawah kategori Low Corbon City Awards akan dibentangkan pada 18 Oktober 2016.

Diperingkat MPSP kita juga ada menyediakan anugerah innovasi iaitu **ANUGERAH INOVASI MPSP (AIMPSP) 2015**. Sebanyak 8 Inovasi telah menyertai AIMPSP 2015 dan Jabatan yang telah menjadi Johan adalah:

Johan : Jaatan Kejuruteraan Inovasi ATESS Door -RM 1500.00

Naib Johan - Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta : Inovasi : Ecapture RM 1000.00

Ketiga : Jabatan Kemasyarakatan Inovasi : Cocopeat RM 500.00

AIMPSP siri ke dua akan dilaksanakan padatahun hadapan dan saya berharap kita dapat membudayakan inovasi di MPSP supaya kita lebih kreatif dalam memberi perkhidmatan kepada stakeholders.

#### **vi. Tempat Meletak Kenderaan MPSP**

Ingin saya ingatkan di sini bahawa tempat letak kereta orang awam di Bangunan Ibu Pejabat MPSP, tidak dibenarkan untuk kakitangan meletakkan kenderaan di tempat awam. Kakitangan Majlis hendaklah meletak kenderaan di tempat letak kereta kakitangan. Bagi kakitangan yang tidak mempunyai pelekat kenderaan juga tidak dibenarkan meletak kenderaan di kawasan tersebut. Jika didapati kakitangan engkar arahan ini, bagi yang mempunyai pelekat kenderaan percuma,

pelekat kenderaan percuma mereka akan ditarik balik. Tindakan *clamping* akan dilaksanakan ke atas kenderaan kakitangan yang meletakkan kenderaan di tempat letak kereta orang awam. Kita perlu memberi kemudahan kepada pelanggan untuk mereka berurusan dengan Majlis.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

### **3. Projek Bandar Selamat**

Terdapat sebanyak 4 projek bandar selamat yang telah disiapkan pada tahun ini iaitu menaiktaraf laluan pejalan kaki di Jalan Jenahak, Seberang Jaya, SPT, menaiktaraf laluan pejalan kaki di Taman Puteri Gunung, SPS (Hadapan Sekolah Wawasan), tempat letak motosikal berkunci di Rumah Pangsa Desa Wawasan, Bukit Mertajam, SPT dan tempat letak motosikal berkunci di Rumah Pangsa Jalan Mohd Saad, SPU. Keempat-empat projek ini adalah untuk menjadikan Seberang Perai lebih selamat didiami, selari dengan hasrat Kerajaan Negeri iaitu, *Cleaner, Greener, Safer and Healthier Penang*.

Kini, MPSP juga sedang menjalankan projek **Eco-City** di Batu Kawan. Batu Kawan telah dikenalpasti oleh Kerajaan Negeri sebagai untuk dijadikan sebagai Eco-Town. Konsep Eco-City adalah *Zero*

*Renovation*, Unit kejiranan, rumah mampu milik, pengurusan sisa pepejal, pengekalan ekologi sediaada, kejiranan hijau, *green building*, bandar selamat dan aksesibiliti. Berdasarkan konsep pelan ini, diharapkan pembangunan di Batu Kawan ini dapat menjadikan Batu Kawan sebagai sebuah bandar “eco-city” yang moden, canggih dan selesa untuk didiami. Melalui perancangan yang mampan ini serta penggunaan teknologi hijau ianya akan mejadikan Batu Kawan sebagai bandar yang menjadi contoh kepada bandar lain.

#### **4. Prestasi Kewangan**

Semua kakitangan disaran supaya dapat mengambil langkah penjimatan dalam semua aspek sama ada perbelanjaan utility dan lain-lain aspek yang dapat membantu Majlis mengurangkan perbelanjaan. Kita juga perlu *think without the box* supaya idea-idea yang lebih kreatif dan inovatif yang dapat membantu Majlis sama ada dari segi penjimatan perbelanjaan, peningkatan hasil ataupun penambahbaikan perkhidmatan Majlis dapat diperolehi. Setiap perbelanjaan Majlis hendaklah "value for money", di mana kualiti pembelian bekalan dan perkhidmatan adalah setimpal dengan perbelanjaan yang dibuat. Dengan keadaan matawang dan ekonomi negara pada masa kini, semua kakitangan hendaklah

membuat perbelanjaan secara berhemah dan berusaha meningkatkan hasil Majlis. Target hasil MPSP pada akhir tahun 2016 adalah sebanyak RM244.81 juta.

Ringkasan jumlah GDV bagi pembangunan harta tanah di seluruh seberang perai berdasarkan pelan bangunan yang diluluskan bersama borang b bagi tahun 2015 dan 2016 adalah seperti berikut:

TAHUN	BIL PROJEK	BIL UNIT	GDV (RM)
JANUARI - DISEMBER 2015	8	184	878,934,000
JANUARI - SEPTEMBER 2016	8	1,857	802,695,000

Ringkasan jumlah GDV bagi pembangunan harta tanah di seluruh seberang perai berdasarkan pelan bangunan yang diluluskan oleh Jawatankuasa OSC Bagi Tahun 2015 Dan 2016 adalah:

TAHUN	BIL PROJEK	BIL UNIT	GDV (RM)
JANUARI - DISEMBER 2015	192	12,178	5,070,364,500

JANUARI - MEI 2016	60	6,557	2,488,669,500
--------------------	----	-------	---------------

## 5. Penglibatan Di Peringkat Antarabangsa

MPSP telah menerima proposal daripada *Sustainable Cities and Human Settlement Award (SCHSA)* bagi mengadakan *inclusive interview* dengan Dato' Yang Dipertua dan cadangan tersebut telah berjaya di hantar 22 Ogos 2016. Sehubungan dengan itu *Sustainable Cities and Human Settlement Award (SCHSA)* telah menjemput YBhg. Dato' Yang Dipertua untuk mengambil bahagian serta menjadi speaker pada session “*Cultural Heritage Conservation and Sustainable Tourism*”. Selain itu MPSP juga telah disenarai pendek untuk mengambil anugerah *The 11th Global Forum on Human Settlements @ Sustainable Cities and Human Settlements Award Ceremony 2016* yang akan diadakan pada 18 Oktober 2016 di Best Western Premier CPlaza Hotel, Quito, Ecuador. Anugerah ini adalah berkaitan dengan cara-cara MPSP dalam merancang dan melaksanakan pembangunan yang mampan mengikut acuan MPSP sendiri.

### **Wego**

World e-Governments Organization of Cities and Local Governments (Wego) adalah sebuah organisasi e-kerajaan antarabangsa di

kalangan bandar-bandar di seluruh dunia dan telah menjalinkan bekerjasama dengan Bank Dunia dan PBB untuk meneruskan pembangunan bandar yang mampan berdasarkan e-Kerajaan. Wego memberi bantuan dari segi kepakaran dengan menggalakkan perbincangan dan latihan di kalangan pihak industri serta pengamal dalam bidang e-Kerajaan untuk mempromosikan dasar keterbukaan dan kecekapan ICT dalam pentadbiran awam. Wego juga menggalakkan perkongsian kemahiran ICT dan pengetahuan dalam e-Kerajaan untuk merapatkan jurang digital dengan mewujudkan rangkaian melalui bandar-bandar dan berkongsi pembangunan e-kerajaan masing-masing.

Pada ketika ini, Majlis Perbandaran Seberang Perai sedang menerima satu delegasi daripada WeGO Selatan untuk membuat “Feasibility Study” ke atas pelaksanaan pemantauan dan penyelenggaraan lampu jalan dan lampu isyarat dengan cara penggunaan IoT dan Aplikasi Pintar. MPSP dipilih daripada pelbagai penyertaan daripada anggota WeGO di seluruh dunia. Ini menunjukkan bahawa MPSP dipandang tinggi oleh WeGO dalam penggunaan ICT dalam pentadbiran dan hala tuju MPSP dalam pembangunan ICT.

Kos kajian ini adalah ditanggung oleh pihak Wego dan Seberang Perai akan mengambil bahagian dalam projek perintis untuk menguji

kebolehgunaan dan prestasi cadangan itu. Tujuan projek ini adalah untuk membina satu sistem pemantauan pintar lampu jalan dan lampu isyarat sistem. Mudah-mudahan hasilnya akan membantu perbandaran untuk mempunyai penyelenggaraan kurang dengan fungsi kecekapan tinggi kedua-dua systems. Di akhir kajian, Seberang Perai akan diberikan satu pelan dan strategi yang diperlukan untuk mewujudkan sistem pemantauan yang lengkap di seluruh Seberang Perai

### **Sustainable Development Growth (SDG)**

Pada 3 April hingga 5 April yang lalu, MPSP telah menerima jemputan daripada Economic & Social Commission For Asia & the Pacific (ESCAP) United Nation untuk menyertai Asia Pacific Forum on Sustainable Development 2016 (APFSD 2016) di Bangkok, Thailand. YBhg. Dato'Maimunah Mohd Sharif turut diundang untuk salah satu sesi yang membincangkan kepentingan untuk mewujudkan bandar-bandar yang selamat, berdaya tahan dan mampan di serantau ini dan bandar-bandar perlu membuat perubahan jika diperlukan. (SDG 11: Make Cities And Human Settlements Inclusive, Safe, Resilient And Sustainable). Oleh itu, kita sebagai PBT perlu melibatkan diri dan bekerjasama organisasi antarbangsa dalam proses penggubalan,

pelaksanaan dan pemantauan SDG. Ini adalah kerana kesan sebenar SDG ini adalah pada peringkat tempatan. Kita perlu menterjemahkan SDG kepada tindakan di peringkat tempatan melalui penglibatan awam dan perkongsian tempatan dalam proses membuat keputusan agar “kita tidak ketinggalan” atau “No One will be left behind” yang juga merupakan matlamat SDG.

SDGs yang ditekankan ialah SDGs 11 iaitu *“make cities and human settlements inclusive, safe resilient and sustainable”* iaitu mewujudkan bandar-bandar sebagai pusat pembangunan yang mampan di dunia.

## **6. Program Akan Datang**

Untuk makluman semua, pada 23-25 November 2016, MPSP akan mengadakan *Seberang Perai International Conference On Eco-Tourism And Conservations Efforts 2016* (SPICEC 2016) yang merupakan konferen antarabangsa pertama yang dianjurkan oleh MPSP dimana konferen ini memberi tumpuan kepada usaha eko-pelancongan dengan tema *Mainstreaming Nature Conservation Through Eco-Tourism*. Konferen ini akan diadakan pada 23-25 November 2016 di The Light Hotel, Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Objektif persidangan ini adalah untuk mewujudkan ruang kepada peserta industri, agensi kerajaan dan badan bukan kerajaan untuk berkongsi pandangan, idea-idea dan strategi bagi menggalakkan industri eko-pelancongan dan juga pemuliharaan dalam eko-pelancongan. Para penceramah dari dalam dan luar negara akan berkongsi pengalaman, pengetahuan mereka dalam 3 sesi iaitu:

- *Session 1: Eco-Tourism in the Region*
- *Session 2: Promoting Conservation Efforts through Eco-Tourism*
- *Session 3: Bird Watching: Next Big Thing in Eco-Tourism Product*

### **Aktiviti-aktiviti Butterworth Baru**

Pelan Butterworth Baharu akan melaksanakan program seperti berikut:

1. Program *Cultural Mapping* di Pasar Awam Jalan Jeti Lama pada 15 Oktober 2016 bersama peniaga-peniaga di bawah Pelan Butterworth Baharu.
2. *Butterworth Discovery Walk 2.0* yang akan diadakan pada 23 Oktober 2016. Kakitangan dijemput untuk turut menyertai program ini.
3. Program *My Best Buy* iaitu menghimpunkan jualan produk dari ladang dan dengan tawaran promosi harga yang murah. Program ini

akan diadakan pada 25 Oktober 2016 di Jalan Loader, Butterworth. Program ini dianjurkan oleh FAMA dan Think City yang disokong oleh MPSP.

4. Majlis Pecah Tanah Projek Naiktaraf Pocket Park Dewan Ria dan Rain Garden Jalan Jeti Lama oleh Y.A.B Ketua Menteri pada 9 November 2016
5. Program *Community Engagement* dan Gotong-royong Pantai Bersih oleh MPSP dan Think City yang akan diadakan pada 12 November 2016.

Sebagai makluman semua, MPSP akan menjadi tuan rumah bagi penganjuran sukan bola jaring dan golf MALA pada 9-10 Disember 2016 dan seterusnya menganjurkan majlis penutup sukan MALA bagi tahun 2016 pada 10 Dis 2016. MPSP juga akan menganjurkan MPSP tower Run pada 13 November 2016.

Sebelum mengakhiri ucapan, saya ingin merakamkan syabas dan tahniah kepada kakitangan MPSP samada sumbangan secara langsung mahupun secara tidak langsung di atas pencapaian MPSP selama ini. Tingkatkan usaha serta bekerja secara profesional, komited dalam satu pasukan bagi mentransformasikan MPSP ke tahap yang

membanggakan. Dalam apa jua tindakan, integriti hendaklah sentiasa disematkan sebagai tunjang utama.

Dengan itu, saya Sudah dengan Wabillahi taufiq wal hidayah,  
wassalamu 'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih